



● DATUK Seri Dr Mahathir berhenti sejenak melihat gam bar bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, di pameran sempena simposium 'Ke Arah Dasar Komunikasi Negara' di Kuala Lumpur semalam. — Foto BM.

Dasar Komunikasi Negara akan digubal

PM: Mesti berasas realiti setempat

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir hari ini menegaskan Dasar Komunikasi Negara yang akan digubal, hendaklah berasaskan kepentingan, realiti semasa dan setempat serta mengambil kira segala kebaikan yang dicita-citakan.

Beliau seterusnya berkata negara perlu mewujudkan satu dasar komunikasi yang boleh memperkukuhkan asas-asas bangsa dan negara, serta dapat membantu memenuhi hasrat dan aspirasi penduduknya.

Perdana Menteri menegaskan dalam penggabalan dasar itu, pihak berkenaan tidak seharusnya terikat dengan sebarang contoh.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian ketika merasmikan Simposium 'Ke Arah Dasar Komunikasi Negara' di Pusat Pembangunan Asia dan Pasifik.

Beliau juga mengingatkan bahawa kebebasan mutlak tidak wujud di mana-mana, walaupun di negara-negara yang dianggap 'bersikap terbuka'.

Perdana Menteri menjelaskan, kebebasan harus menjamin keselamatan dan kesejahteraan masyarakat serta negara dalam konteks tertentu dan kebebasan adalah untuk kebaikan dan bukan untuk kemusnahan

dan keruntuhan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau sedar tentulah soal mewujudkan satu Dasar Komunikasi Negara boleh menimbulkan berbagai reaksi pada pihak-pihak tertentu, "khususnya mereka yang khayal dengan konsep kebaratan dan melihatnya dalam satu vacuum, tanpa mempertimbangkan hakikat konteks-konteks tertentu."

"Dalam hal ini, pendekatan kita harus berjejak di dunia nyata. Pengwujudan satu dasar yang ideal dan lengkap mungkin mustahil."

Selaras

Perdana Menteri berpendapat, dalam konteks komunikasi, kebebasan pada hakikatnya mempunyai erti sungguh mendalam. Kebebasan itu hendaklah dianggap sebagai cara bagi negara-negara mencapai objektif-objektif kebangsaan.

Datuk Seri Dr Mahathir mengulangi cita-cita kerajaan adalah untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia moden yang bermaruah tinggi, maju, makmur, sejahtera, harmoni dan berastupadi.

"Dalam usaha membimbing masyarakat bagi mencapai objektif dan matlamat negara, kita tidak boleh membenarkan kepen-

tingan sesuatu golongan tertentu atau kepentingan peribadi mengatasi kepentingan umum dan kepentingan negara kerana ia akan menyebabkan anarki yang akhirnya akan memusnahkan kebebasan.

"Ciri-ciri asasi yang perlu dipupuk melalui dasar dan sistem komunikasi negara harus diberi perhatian."

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan dasar komunikasi juga harus selaras dengan dasar-dasar lain bagi mencapai matlamat tertentu.

Menurut beliau, Malaysia perlu berusaha mencapai kemampuan bagi mengendalikan sistem komunikasinya sendiri.

"Setakat ini, walaupun usaha-usaha permulaan telah dibuat, kita masih jauh ketinggalan," jelas beliau.

Perdana Menteri menyatakan dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi, semua media komunikasi mempunyai peranan menyampaikan mesej dan maklumat kerajaan kepada rakyat dengan jelas, supaya tidak timbul salah faham dan salah tafsiran.

"Salah faham mengenai mesej-mesej kerajaan akan berlaku bila media komunikasi mengabaikan tanggungjawab sosial mereka terhadap negara dan rakyat," kata beliau.